

Retrospek sumbangan Dato' Dr. Hassan Ahmad dalam kebahasaan dan penerbitan

ABSTRAK

Allahyarham Datoø Dr. Hassan Ahmad merupakan tokoh tersohor dan berpengalaman luas dalam pelbagai aspek penerbitan buku, perancangan bahasa dan sastera, penyelidikan serta pengurusan. Beliau berhasrat memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang bukan sahaja mampu mendukung perkembangan ilmu dan pemikiran bangsa dalam segala lapangan, malah sebagai alat yang dapat membentuk dan mengembangkan identiti kebangsaan, alat komunikasi masyarakat serta alat perpaduan dalam negara yang berbilang bangsa dan bahasa. Menurut beliau, kekuatan dan kekayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, pemikiran dan budaya tinggi dapat diperkasakan melalui penghasilan buku yang bermutu tinggi dalam bahasa tersebut. Perusahaan buku pula tidak boleh bermotif ekonomi semata-mata, malah merupakan perusahaan ilmu pengetahuan (knowledge industry). Oleh yang demikian, kerajaan perlulah memastikan perusahaan buku diiktiraf sebagai suatu perusahaan yang penting (essential industry), iaitu perusahaan budaya (Nor Azuwan Yaakob, 2013, ms. 166-167). Beliau pernah digelar 'The Godfather of Malaysian Book Worldø dan menerima 'Anugerah Tokoh Pembangunan Buku Negaraø (2005) serta merupakan tokoh ilmuwan dan intelektual dalam pelbagai bidang, malah 'pejuang bahasaø yang sangat berani. Makalah ini menelusuri, merungkai dan mengupas retrospek sumbangan beliau dalam kebahasaan dan penerbitan.

Keyword: Principles; Thought; Language warrior; Linguistics; Publishing